

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font.

CREATE

e-newsletter

Kolaborasi UMP dan CIDB dalam ekosistem Model Informa

Kolaborasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam ekosistem Model Informasi Bangunan (BIM) bagi transformasi nasional dilihat berjaya menerusi projek pembinaan Malaysia bernilai RM 1.45 billion yang mana pelbagai manfaat telah diperoleh oleh industri sepe

Ia turut melibatkan penggubalan dasar dan polisi, pemindahan teknologi dan pengetahuan, pembangunan dan Sistem Industri Bangunan (IBS).

BIM merupakan teknologi pemodelan dan set proses yang berkaitan untuk menghasilkan, berkomunikasi, dan bertukar maklumat digital sepanjang kitaran hayat projek pembinaan.

Proses berasaskan model BIM memberikan maklumat untuk arkitek, kejuruteraan, dan profesional pembinaan dan mengurus bangunan dan infrastruktur dengan cekap.

Ia merupakan teknologi pemodelan dan set proses yang berkaitan untuk menghasilkan, berkomunikasi, dan bertukar maklumat digital sepanjang kitaran hayat projek pembinaan.

Proses berasaskan model BIM memberikan maklumat untuk arkitek, kejuruteraan, dan profesional pembinaan dan mengurus bangunan dan infrastruktur dengan cekap.

Bagi Pengarah Pusat Kecemerlangan Industri Kluster Pembinaan UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Yuhyi M. Yusoff, CIDB turut membantu universiti dalam memberikan sumbangan kewangan dari segi projek, pembangunan, dan kerjasama rasmi ke luar negara, kolaborasi antarabangsa dan juga latihan pensijilan profesional bernilai hampir RM 5 juta.

“UMP juga melalui inisiatif ini telah mentransformasikan industri dari kaedah konvensional kepada pembinaan digital dan arah menyokong kepada revolusi perindustrian IR4.0 seperti yang dirangka dalam Program Transformasi Industri 2030.

Sebagai menghargai rakan kerjasama ini, UMP memberikan pengiktirafan apabila CIDB dinobatkan menjadi Rakan Industri Masyarakat (Kategori Rakan Industri Terbaik) pada Majlis Hari Kualiti & Inovasi UMP 2019 pada 12 September 2019.

Anugerah disampaikan oleh Pengarah Scomi Transit Projects Sdn. Bhd. merangkap [CEO@Fakulti](#) UMP, Prof. M. Yusoff, CIDB Negeri Pahang, Saini Saidi yang mewakili Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid dan Naib Canselor UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad dan Naib Canselor UMP, Prof. M. Yusoff.

Perpaduan hadiah tidak ternilai dan perlu dipelihara

Perpaduan adalah hadiah tidak ternilai dan perlu dipelihara serta dihargai semua rakyat yang hidup berbilang budaya dan agama di negara ini.

Perpaduan terhasil apabila rakyat daripada pelbagai etnik dan agama saling hormat-menghormati antara satu sama lain serta menyedari sensitiviti dan agama serta budaya masing-masing demi keharmonian di antara kaum.

Menurut Dr. Al-Azharri Siddiq Kamunri daripada Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, perpaduan adalah dihayati rakyat Malaysia dalam bersama-sama dengan kerajaan dalam berusaha membanteras rasuah dan

“Bila kita mempunyai perasaan kebersamaan maka perbezaan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum yang paling penting kita perlu fahami dalam dunia moden ini ialah kita tidak boleh hidup secara bersendirian sama lain.

“Jika kita tidak mempunyai semangat kekitaan, maka ancaman keselamatan negara pada masa hadapan katanya dalam program Bicara Merdeka sempena Majlis Penutup Fiesta Sayangi Malaysiaku sempena Sa 2019 anjuran Jabatan Pendaftar di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 18 September 2019 yang

Ujarnya lagi, sekiranya perpecahan kaum berlaku pada masa akan datang ianya bukan daripada generasi ini yang tidak menyemai bibit-bibit perpaduan dengan baik.

“Kalau kita masih lagi membuat perkara yang memecah belahkan perpaduan, maka akan memupuk b datang.

“Paling penting pemimpin pada hari ini perlu mempromosikan nilai-nilai Malaysia yang baik serta men mencapai kemerdekaan,” tambahnya lagi.

Beliau turut menasihati agar golongan mahasiswa dan generasi baharu kini terus mengenang perjuangan sayang dan cintakan negara tidak terhakis dan akan kekal selamanya.

Hadir sama dalam program Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP), Profesor Dato' Pengarah UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Mohd Yunus.

Menurut Profesor Dato' Dr. Yuserrie, saban tahun UMP menganjurkan pelbagai program bagi memer menerapkan semangat patriotisme terhadap tanah air.

“Ia berupaya menampilkan perspektif patriotisme yang unik dalam konteks peranan UMP sebagai

Simposium ProSES teroka bidang Kejuruteraan Ki

Penganjuran *Simposium Process Systems Engineering and Safety (ProSES) 2019* bertemakan *Process Industri (IR4.0)* berjaya mengumpulkan penyertaan lebih 70 peserta yang terdiri daripada para akademi Malaysia Pahang (UMP) dalam meneroka bidang berkaitan Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses juga

Ia menyaksikan sebanyak 60 kertas kerja mengenai permodelan dan simulasi dibentangkan dalam pro Kuantan pada 13 September 2019 anjuran *Process Systems Engineering and Safety Research Group, Proses (FTKKP)*.

Hadir merasmikan program ialah Dekan Inovasi Industri Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Profesor Madya I Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) FTKKP, Profesor Madya Ts. Dr. Sumaiya Zainal [Ab](#)

Profesor Madya Dr. Abdul Adam dalam ucapannya melahirkan rasa bangga dengan penganjuran simposiu

“Kertas pembentangan ini akan diterbitkan dalam Jurnal Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi Industri *Science and Engineering (Scopus indexed proceeding)*.”

“UMP komited dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan dalam sistem proses keju dengan bahan kimia, biologi, proses pengolahan mineral, minyak, gas dan farmaseutikal.

“Pihak fakulti juga banyak terlibat dalam projek gelatin halal, penghasilan kapsul yang halal dan produk *microcrystalline cellulose* hasil kerjasama bersama Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pah

“Selain itu, UMP juga berjaya mendapat RM10 juta daripada pihak kerajaan menerusi geran Penyelid daripada jumlah tersebut disumbangkan kepada fakulti,” ujarnya.

Sementara itu, menurut Pengarah Program, Profesor Madya Dr. Mohamad Rizza Othman, simposium ini menyelidiki penyelidikan terkini dalam bidang pemodelan proses dan simulasi serta memperkukuhkan kerjasama antara

“Selain itu juga ianya merupakan platform ahli-ahli akademik dan industri membentangkan hasil kerja mereka dalam bidang pemodelan proses dan simulasi,” katanya.

Beliau berharap ianya akan menimbulkan minat pada penyelidik terutama dalam kepentingan proses simulasi yang berkembang dapat dilaksanakan di industri untuk lebih berdaya saing.

Hadir menyampaikan ucapan tama ialah Profesor Ir. Dr. Haslenda Hashim dari Universiti Teknologi Malaysia

Baginya selama ini para penyelidik telah banyak membuat penyelidikan sebagai persediaan berdepan era digital yang melibatkan molekul sehinggalah yang boleh digunakan dalam industri.

Turut menyampaikan ucapan tama ialah Profesor Dr. Azmi Mohd Shariff dari Universiti Teknologi Petronas yang berharap penyelidikan dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan industri.

20 staf UMP berjaya tawan puncak Kinabalu

Oleh: MOHD SHAHRUL AZUAR, PENGARAH PROGRAM EKSPEDISI D’PUNCAK KINABALU.

Tanggal 6 September 2019 yang lalu mencatat sejarah buat 20 orang staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu yang merupakan puncak tertinggi di Asia Tenggara pada ketinggian 4,095 meter.

Menurut Pengarah Program Ekspedisi d’Puncak Kinabalu, Mohd Shahrul Azuar, pihaknya menjalani ekspedisi ini sebagai persediaan dengan menjalani latihan mendaki bagi meningkatkan tahap kecergasan masing-masing.

“Ekspedisi ini dirancang sejak awal tahun ini sebagai aktiviti gaya hidup sihat dan menyahut cabaran menawan puncak Kinabalu sebagai kerjasama berkumpulan dan sebagai medium untuk membina keyakinan diri yang lebih utuh dan jitu,” katanya.

Semua peserta memulakan pendakian di pintu Timpoan Gate setelah selesai taklimat seawal jam 7.00 pagi dan mencabar di laluan bertangga dan menegak sejauh lebih 6 kilometer.

Kesemua peserta berjaya sampai di Laban Rata (*Base Camp*) pada ketinggian 3,272 meter dari paras laut.

Pendakian diteruskan lagi seawal jam 2.30 pagi hari berikutnya bagi meneruskan misi menawan puncak *Peak*.

Peserta bergerak secara sederhana dalam kumpulan kecil dengan cabaran sejuk dan gelap sambil diibegitu kebanyakan peserta berpeluang menikmati keindahan alam dan matahari terbit.

Akhirnya, setelah mengharungi pendakian selama hampir empat jam yang mencabar dan menguji mental, sampai ke puncak Gunung Kinabalu dengan jayanya.

Tiada kata yang dapat diungkap tatkala kaki berjaya menapak di puncak tertinggi ini walaupun dalam keadaan

Bagi peserta ekspedisi, Dr. Amir Abd Razak berkata, satu pencapaian membanggakan apabila kesemua selamat walaupun cabaran peserta adalah ketika berada di *summit attack* pada awal pagi tersebut.

“Antara cabaran utama yang terpaksa dihadapi oleh kesemua peserta adalah mendaki dalam keadaan ar suhu boleh mencecah sehingga 3° Celcius,” katanya.

Turut sama menyertai program adalah ketua jabatan, pensyarah dan staf fakulti daripada FTKA, Fakulti Te (FTKEE), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Me Kejuruteraan yang mana mereka sebelum ini adalah merupakan staf Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK

Profesor Dato' Dr. Zularisam berkata, kesukaran bernafas secara normal akibat kandungan oksigen di utama yang perlu dihadapi oleh setiap peserta.

“Walaupun tidak semua peserta berjaya sampai ke puncak, namun bukan itu objektif utamanya. Beliau ber yang menyertai ekspedisi dan menjayakan program mendaki Gunung Kinabalu ini.

“Selain itu, nasihat saya buat peserta agar percaya dengan kemampuan diri sendiri dan berusaha untuk me
suatu pengalaman yang bernilai tinggi yang sepatutnya ada dalam diri terutamanya dalam menemp
pekerjaan,” kata Profesor Dato’ Dr. Zularisam Ab. Wahid daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (F

Beliau sungguh berbangga dengan semangat dan komitmen semua staf dan pihak luar yang mengurus
berlangsung dengan jayanya.

Walaupun penat ianya bukan penghalang buat peserta meraikan kemenangan setelah berjaya mencap
hayat.

Malahan kejayaan ini juga amat bermakna dan merupakan sejarah yang tercatat tatkala penjenamaa
organisasi yang sedang dilaksanakan di universiti pada ketika ini.

UMP perkenal Program Khas Pemantapan Bakat bua

Dalam usaha menyediakan pelan pembangunan bakat yang sistematik, Universiti Malaysia Pahang
Pemantapan Bakat Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) buat warga kerja universiti ini bagi mengik
Perniagaan (MBA) secara separuh masa yang ditawarkan mulai sesi akademik 2019/2020.

Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Profesor Madya Dr. Mohd. Ridzuan Darun berkata,
khas ini dapat meningkatkan kompetensi dan keupayaan pengetahuan dengan lebih luas dalam bic
terutamanya berdepan dengan cabaran teknologi semasa terutamanya di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

“Ia dapat meningkatkan kualiti dan standard pengurusan pentadbiran staf yang terdiri daripada pelbagai la
menerajui kecemerlangan pentadbiran yang mapan. Usaha sama program ini melibatkan Bahagian Su
Pengurusan Industri (FIM) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS),” katanya.

Ujarnya, pihak universiti sentiasa membangunkan kumpulan bakat yang kompeten dan berpengetahuan lu
berada pada tahap kecekapan yang tinggi. Mereka ini juga akan menjalankan kursus projek dalam pengaji
inovasi dalam kerja yang dapat memberi manfaat kepada universiti dalam penyelesaian isu dan penambah

Dalam pada itu, seramai 13 staf hadir pada hari pendaftaran bagi mengikuti program di bawah FIM in
Pengajian Siswazah (IPS), Profesor Dato’ Dr. Hasnah Harun, Dekan FIM, Dr. Fazeeda Mohamad dan Ketu

Bagi Dr. Suhaidah, program MBA UMP ini mendapat akreditasi daripada *Alliance on Business Education*
dan kurikulum yang dibangunkan mempunyai elemen analitis perniagaan, kombinasi di antara perniaga
governan serta penyelesaian permasalahan. Ia juga telah mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kela

Pihaknya juga menawarkan program MBA dalam dua mod pengajian iaitu sepenuh masa atau secara sa

bagi pelajar yang bekerja untuk menyambung pelajaran secara sambilan. Di samping penawaran 10 kursus pelajar juga turut akan mengambil dua kursus projek penyelidikan yang memberikan peluang kepada syarikat atau menjalankan kajian dalam bidang akademik.

UMP juga bekerjasama dengan universiti luar yang menawarkan program MBA dalam memberikan perantaraan antarabangsa. Ianya termasuklah rakan kerjasama dengan universiti di Indonesia seperti Andalas University manakala Amasya University (Turki), Hochschule Reutlingen University (Jerman) dan GRG School of Management (Amerika).

Untuk maklumat lanjut mengenai program MBA UMP, layari laman sesawang <https://ips.ump.edu.my> atau kepada mba@ump.edu.my/suhaidahussain@ump.edu.my.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
[safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my


Sidang Editorial berhak melakukan tindakan disiplin terhadap penulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya mengabaikan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor adalah dilarang.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap pandangan yang dikemukakan yang dikemukakan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirakan akan dikembalikan. Sumbangan karya berkecuali kepada penerbit di:

EDITOR
Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:sufriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



• 110 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

